4.	Maklumat Perancangan Komprehensif dan Perkongsian Data Geospatial yang Memenuhi Keperluan Pelanggan	1. Pengumpulan maklumat kajian perancangan atau rancangan pemajuan dan data geospatial daripada Agensi/ Bahagian/ Pejabat Projek Zon	Bilangan pengumpulan maklumat kajian perancangan atau rancangan pemajuan dan data geospatial diterima atau dimohon/ tahun semasa	5 kajian perancangan atau rancangan pemajuan/ dan data geospatial per tahun	Agensi, Semua Bahagian atau Pejabat Projek Zon	BMGN	1 Tahun (Jan – Dis)	a) Mesyuarat Pagi b) Mesyuarat JPP I-Plan c) Mesyuarat Pemantauan TKP Pembangunan	

BIL	OBJEKTIF	KRITERIA PENGUKURAN	INDIKATOR PENGUKURAN	SASARAN	SUMBER	BAHAGIAN	TEMPOH PELAKSANAAN	KAEDAH PEMANTAUAN	CATATAN
		2. Perkongsian maklumat atau data geospasial tersedia dengan pelbagai pihak	Peratus permohonan data geospasial tersedia yang diselesaikan dalam tempoh 7 hari bekerja	100%	Rekod Pembekalan Data Geospasial atau Modul Pengurusan Permohonan Data Geospasial I-Plan	BMGN	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat Piagam Pelanggan	
5.	Sebaran dan Hebahan Berkesan	1. Program sebaran maklumat rancangan pemajuan kepada agensi pelaksana	Bilangan Program Sebaran	2 Program setiap Pejabat Projek/ per tahun	Penyertaan dan penglibatan agensi pelaksana	Semua PPZ	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat JKSP	
		2. Program sebaran maklumat Dasar Perancangan Nasional kepada pelbagai agensi	Bilangan Program Sebaran	3 Program Sebaran per tahun	Laporan Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional/ Laporan Prosiding mengikut program/ bahan hebahan	BRFN	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat JKSP	
		3. Program sebaran maklumat perancangan Wilayah kepada pelbagai agensi	Bilangan Program Sebaran	3 Program Sebaran per tahun	Laporan Kajian/ Projek Berkepentingan Nasional/ bahan hebahan	BPW	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat JKSP	
		4. Program sebaran atau hebahan output penyelidikan, Garis Panduan Perancangan dan Panduan Pelaksanaan	Bilangan Program Sebaran	3 program per tahun	Laporan Prosiding mengikut program/ bahan hebahan	BPP	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat JKSP	
6.	Memenuhi Keperluan Pelanggan	1. Pencapaian Piagam Pelanggan Bahagian, PPZ, Unit dan Seksyen	Peratus Pencapaian	80%	a) Laporan Piagam Pelanggan Jabatan b) Piagam Pelanggan semua Bahagian dan Unit	BK	1 Tahun (Jan – Dis)	a) Mesyuarat JKSP b) Mesyuarat JP	
		2. Tahap Kepuasan Pelanggan	Indeks Kepuasan Pelanggan	Skor 4	a) Borang Soal Selidik Kepuasan Pelanggan b) Laporan Maklum balas Kepuasan Pelanggan	PPZU	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat JKSP	

BIL	OBJEKTIF	KRITERIA PENGUKURAN	INDIKATOR PENGUKURAN	SASARAN	SUMBER	BAHAGIAN	TEMPOH PELAKSANAAN	KAEDAH PEMANTAUAN	CATATAN
7.	Pengurusan Komunikasi Berkesan	Pelaksanaan mesyuarat melibatkan pengurusan atasan	Jenis Mesyuarat : i. RKJ ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan iii. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan iv. Mesyuarat JKSP v. Mesyuarat Pagi vi. Mesyuarat Pengarah Negeri vii. Mesyuarat Ketua Unit Pusat Setempat/ <i>Townhall</i> viii. MBJ ix. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang x. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) xi. Mesyuarat JPKA xii. Hari Inovasi xiii. Hari Integriti xiv. Mesyuarat JKSP Sistem Pengurusan Anti Rasuah (<i>Anti-Bribery Management System - ABMS</i>)	100% penglibatan	a) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Pelan Strategik Jabatan (PTPSJ) b) Pekeliling Ketua Pengarah c) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Berkaitan d) Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan bagi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (No. MBJ:3634001) e) Laporan Prosiding f) Laporan Perlaksanaan Latihan g) Takwim Jabatan	BK BKP BPKSPUI	1 Tahun (Jan – Dis)	Mesyuarat JKSP	

6.3 Perancangan Perubahan

Keperluan untuk perubahan dalam SPK dikenal pasti dan ditentukan dari masa ke semasa serta mengikut kesesuaian PLANMalaysia. Keperluan perubahan dinilai berdasarkan tujuan serta kesan yang berpotensi, integriti SPK, peruntukan sumber tanggungjawab dan kuasa.

7.0 SOKONGAN

7.1 Sumber-sumber

7.1.1 Am

Kecukupan sumber yang ditetapkan dalam klausa 7.1.2, 7.1.3, 7.1.4, 7.1.5 dan 7.1.6 hendaklah dinilai semula oleh pengurusan atasan PLANMalaysia sepertimana dikehendaki oleh Klausa 9.3 Kajian Semula Pengurusan.

7.1.2 Manusia

Pihak Pengurusan PLANMalaysia bertanggungjawab untuk menyediakan tenaga kerja pengurusan, profesional dan sokongan yang mempunyai kualiti dari segi akademik yang berkaitan latihan, kemahiran, kecekapan dan pengalaman serta mematuhi peruntukan semasa yang ditetapkan. Penentuan modal insan yang berkecukupan dinyatakan dalam klausa 7.2 : Kompetensi.

Bagi memastikan tenaga kerja yang cekap dan berkemahiran, latihan hendaklah dijalankan mengikut dokumen kualiti **Bahagian B: Prosedur Pengurusan Latihan**.

7.1.3 Infrastruktur

Pihak Pengurusan PLANMalaysia bertanggungjawab memastikan penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur yang diperlukan untuk memenuhi keperluan Jabatan.

Infrastruktur yang diperlukan antaranya adalah:

- i. Bangunan tempat kerja (keselamatan dan keselesaan) dan kelengkapan pejabat yang berkaitan;
- ii. Alatan proses (*hardware* dan *software*); dan
- iii. Perkhidmatan sokongan (seperti pengangkutan, komunikasi atau sistem maklumat).

Pihak Pengurusan PLANMalaysia wajar memastikan infrastruktur yang diperlukan diurus secara cekap, teratur dan berkesan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

7.1.4 Persekitaran untuk Operasi Proses

Pihak Pengurusan PLANMalaysia bertanggungjawab memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat, bersih, ceria dan mempunyai kelengkapan yang sesuai bagi melaksanakan tugas-tugas dengan berkesan.

7.1.5 Pengetahuan dalam Organisasi

PLANMalaysia mengenal pasti dan menentukan pengetahuan yang perlu untuk operasi proses bagi mencapai pematuhan produk dan perkhidmatan.

Pengetahuan ini boleh diperolehi dari sumber dalaman (contoh: Sesi Pengkongsian Ilmu, latihan dalaman, lawatan teknikal, program sebaran, laman sesawang Jabatan dan sebagainya) dan sumber luaran (contoh: bahan akademik, persidangan, kursus, seminar dan sebagainya).

Pengetahuan ini perlu dikekalkan dan sentiasa ada apabila diperlukan. Di mana perlu, pengetahuan ini, akan didokumenkan untuk memudahkan pengendaliannya. Warga Jabatan digalakkan untuk menggunakan pengetahuan ini dan berkongsi pengetahuan yang ada atau yang diperolehi untuk mencapai objektif kualiti PLANMalaysia.

7.2 Kompetensi

Pihak pengurusan PLANMalaysia berusaha untuk memastikan bahawa semua warga yang ditempatkan adalah sesuai di mana boleh, sama ada dari segi kelayakan pendidikan, latihan atau pengalaman.

Keperluan latihan dikenal pasti apabila terdapat pelantikan baharu, perubahan dalam tugas warga dan peningkatan teknologi terhadap infrastruktur dan perisian (*software*). Untuk mencapai hasrat ini, maklumat yang penting adalah seperti berikut:

- i. Laporan keberkesanan latihan;
- ii. Rekod latihan warga; dan
- iii. Laporan penilaian prestasi warga.

7.3 Kesedaran

PLANMalaysia hendaklah memastikan semua warga mengetahui dan memahami:

- i. Visi dan Misi
- ii. Dasar Kualiti;
- iii. Objektif Kualiti Jabatan / Bahagian;
- iv. Sumbangan mereka kepada keberkesanan SPK; dan
- v. Kesan daripada ketidakakuran pelaksanaan SPK.

7.4 Komunikasi

Pengurusan PLANMalaysia mementingkan komunikasi dalaman yang berkesan bagi menyebarkan maklumat kepada semua personel dalam organisasi berkaitan dengan:

- i. Polisi dan objektif kualiti;
- ii. Keperluan dan peraturan sistem pengurusan kualiti;
- iii. Hubungan proses kerja;
- iv. Keperluan verifikasi dan validiti;
- v. Pelaksanaan dan penggunaan prosedur kualiti;
- vi. Keperluan memenuhi kehendak pelanggan; dan
- vii. Pelaksanaan penambahbaikan dan pencegahan.

Komunikasi dalaman dan luaran dengan pihak berkepentingan dilaksanakan melalui pelbagai medium seperti edaran surat, memo, e-mel, hebahan di media sosial dan lain-lain yang bersesuaian bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

7.5 Maklumat Didokumenkan

7.5.1 Am

SPK PLANMalaysia termasuk:

- i. Maklumat yang didokumenkan selaras keperluan MS ISO 9001 : 2015
- ii. Maklumat yang didokumenkan seperti ditentukan oleh PLANMalaysia bagi keberkesanan SPK.

7.5.2 Mewujud dan Mengemaskini

Dalam membuat dan mengemas kini maklumat yang didokumenkan, PLANMalaysia hendaklah memastikan kesesuaian :

- i. Pengenalan dan penerangan;
- ii. Format; dan
- iii. Semakan dan kelulusan untuk kesesuaian dan pematuhan.

7.5.3 Kawalan Maklumat Didokumenkan

7.5.3.1 Maklumat yang didokumenkan mengikut keperluan SPK dan MS ISO 9001 : 2015 perlu dikawal untuk memastikan :

- i. Ianya mudah didapati dan sesuai untuk diguna pakai di mana dan bila diperlukan; dan
- ii. Ianya dikawal dan dilindungi sewajarnya.

7.5.3.2 Untuk mengawal maklumat termasuk rekod elektronik yang telah didokumenkan, PLANMalaysia akan mengawal selia aktiviti di bawah jika perlu:

- i. Pengedaran, pengaksesan, mendapatkan dan penggunaan;
- ii. Penyimpanan dan pemeliharaan;
- iii. Kawalan ke atas perubahan; dan
- iv. Penyimpanan dan pelupusan.

Maklumat dokumen luaran yang dikenal pasti oleh PLANMalaysia sebagai keperluan untuk perancangan dan operasi SPK hendaklah dikenal pasti sewajarnya dan dikawal.

Rujuk Bahagian B: Prosedur Kawalan Dokumen dan Prosedur Kawalan Rekod

8.0 OPERASI

8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

Pengurusan PLANMalaysia hendaklah merancang, melaksanakan dan mengawal proses kerja dan melaksanakan tindakan yang ditentukan dalam klausa 6 dengan menentukan:

- i. Objektif kualiti dan kepatuhan kepada keperluan perundangan dan peraturan yang ditetapkan;
- ii. Keperluan membangunkan proses, dokumen kerja dan menyediakan sumber kewangan dan tenaga kerja untuk melaksanakan perkhidmatan PLANMalaysia;
- iii. Aktiviti semakan, verifikasi, pemantauan, pengesahan dan kawalan kualiti serta kriteria penerimaan di semua Bahagian untuk menjamin proses output dan perkhidmatan PLANMalaysia menepati keperluan kualiti; dan
- iv. Rekod yang menunjukkan perkhidmatan PLANMalaysia, proses output, maklumat warga serta hasilnya menepati keperluan kualiti yang ditetapkan.

Output perancangan hendaklah sesuai untuk operasi PLANMalaysia. PLANMalaysia perlu mengawal perubahan yang dirancang dan mengkaji kesan daripada perubahan yang tidak diingini, mengambil tindakan untuk mengurangkan apa-apa kesan negatif jika perlu.

8.2 Keperluan Untuk Produk dan Perkhidmatan

8.2.1 Komunikasi Pelanggan

Pengurusan PLANMalaysia dan warga kerja PLANMalaysia hendaklah melaksanakan komunikasi yang berkesan dengan pelanggan melalui media cetak dan elektronik seperti surat rasmi, e-mel, faks, telefon, buletin, laman sesawang dan sebagainya untuk:

- i. Menerangkan mengenai perkhidmatan PLANMalaysia dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam perkhidmatan utama;
- ii. Memaklumkan sebarang keputusan/kelulusan berkaitan dengan perkhidmatan utama; dan
- iii. Mengendalikan aduan pelanggan dan maklum balas termasuk tindakan yang diambil.

8.2.2 Menentukan Keperluan yang Berkaitan ke atas Produk dan Perkhidmatan

Keperluan pelanggan di dalam memberi perkhidmatan utama PLANMalaysia seperti penyediaan rancangan pemajuan, kaedah, garis panduan, latihan, urus setia MPFN, lantikan perunding diuruskan dengan mengambil kira kehendak-kehendak pelanggan. Pengurusan PLANMalaysia bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan memahami pelanggan seperti di dalam klausa 9.1.2. Ia digariskan seperti berikut:-

- i. Memenuhi Terma Rujukan;
- ii. Memenuhi Kehendak Akta 172 (jika berkaitan);
- iii. Memenuhi Perancangan Kualiti (jika ada); dan
- iv. Memenuhi keputusan Jawatankuasa yang berkaitan.

Setiap Pengarah Bahagian juga akan mengkaji semua kehendak-kehendak pelanggan bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi berlandaskan kepada peraturan dan kemampuan.

Sebarang maklum balas daripada pelanggan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Pengarah-Pengarah Bahagian yang berkaitan dengan maklum balas berkenaan.

8.2.3 Semakan Terhadap Keperluan yang Berkaitan dengan Produk dan Perkhidmatan

Pengurusan PLANMalaysia bertanggungjawab menyemak kehendak pelanggan dan kehendak teknikal perancangan, yang dimuktamadkan dan disatukan dalam terma rujukan atau terma dan syarat kepada projek atau perkhidmatan yang bakal dikendalikan berdasarkan kemampuan Jabatan.

Sebarang perubahan ke atas kehendak yang telah dimuktamadkan hasil dari perubahan dasar negara, negeri dan PBPT serta keperluan perluasan kajian atau pertambahan skop kajian, dibuat setelah mendapat persetujuan bersama.

Semua perubahan dalam terma rujukan atau terma dan syarat perlu direkod dan dimaklumkan kepada semua pegawai terlibat.

8.2.4 Perubahan terhadap Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan

PLANMalaysia akan memastikan semua dokumen dan maklumat yang dipinda akan dimaklumkan kepada semua warga PLANMalaysia untuk memastikan segala perubahan diambil maklum oleh pihak yang berkaitan.

8.3 Kawalan Proses, Produk dan Perkhidmatan yang Dibekalkan dari Luar

8.3.1 Am

Pengurusan PLANMalaysia bertanggungjawab mengurus dan mengawal proses perolehan bekalan, perkhidmatan, perkhidmatan perunding dan kerja melalui tender, sebutharga dan pembelian terus. Bekalan, perkhidmatan, perkhidmatan perunding dan kerja yang dibekal dan dilaksana oleh pihak luar hendaklah memenuhi keperluan pelanggan.

Pengurusan PLANMalaysia boleh menentukan dan mengguna pakai kriteria penilaian, pemilihan, pemantauan prestasi dan penilaian semula berdasarkan prosedur dan tatacara yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia atau Pegawai Pengawal dari masa ke semasa.

Maklumat hendaklah disimpan dan disenggara dengan baik terutamanya yang berkaitan dengan keputusan penilaian, pemantauan dan penilaian semula pembekal.

Kriteria pemilihan, penilaian dan penilaian semula diwujudkan. Rekod mengenai hasil penilaian semula diwujudkan dan diselenggarakan. Senarai Daftar Pembekal / Perunding diwujudkan dan dikemas kini berasaskan hasil penilaian prestasi pembekal.

8.3.2 Jenis dan Tahap Kawalan

Jenis dan tahap kawalan ke atas pembekal perunding hendaklah dibuat berdasarkan kepada kualiti, bekalan dan perkhidmatan yang diperolehi melalui proses perolehan Jabatan supaya PLANMalaysia mendapat bekalan dan perkhidmatan yang berkualiti. Semua urusan dilaksana mengikut Garis Panduan dan **Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa**.

Semua bekalan/perkhidmatan yang diterima perlu disemak, dinilai dan disahkan berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan.

8.3.3 Maklumat untuk Pembekal Luaran

Pegawai PLANMalaysia yang bertanggungjawab perlu memastikan proses perolehan yang dilaksanakan mematuhi:

- i. Spesifikasi Perolehan;
- ii. Proses dan Prosedur Perolehan; dan
- iii. Peringkat Pihak Berkuasa Melulus.

8.4 Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan

8.4.1 Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan

Pengurusan PLANMalaysia dan warga PLANMalaysia merancang, melaksana dan mengawal semua proses penyediaan dan penyampaian PLANMalaysia bagi menjamin keperluan dan perancangan kualiti dipenuhi. Ini termasuk:

- i. Ketersediaan maklumat yang menerangkan ciri-ciri, proses output, dasar, perundangan, peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan PLANMalaysia;
- ii. Ketersediaan Prosedur dan Arahan Kerja yang menerangkan pengendalian proses dan perkhidmatan PLANMalaysia;
- iii. Penggunaan peralatan yang bersesuaian untuk mengurus, memproses dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan seperti Sistem I-PLAN, kenderaan, logistik, peralatan keselamatan dan sebagainya;
- iv. Pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran proses dan perkhidmatan PLANMalaysia dan lain-lain proses SPK;
- v. Penggunaan prasarana dan persekitaran yang sesuai untuk operasi proses;
- vi. Pelantikan pegawai yang kompeten dengan kelayakan yang diperlukan seperti dalam *Job Description* (JD); dan
- vii. Pelaksanaan aktiviti pengesahan perkhidmatan, penerimaan dan penghantaran proses output, kawalan dan pelaporan keselamatan Jabatan, kemasukan dan kemas kini data/maklumat pelanggan.

8.4.2 Identifikasi dan Kemudahkesanan

Pengarah Bahagian di PLANMalaysia bertanggungjawab menentukan status penyampaian perkhidmatan di sepanjang tempoh pelaksanaan proses. Kaedah identifikasi dan kebolehesanan status penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah sesuai yang ditentukan oleh Bahagian.

8.4.3 Hartamilik Pelanggan atau Pembekal Luar

Hartamilik pelanggan digunakan semasa berurusan dengan PLANMalaysia (dokumen pengenalan dan maklumat peribadi pelanggan) perlu dilindungi.

Hartamilik pembekal luaran hendaklah ditempatkan di lokasi yang sesuai dan selamat serta dipantau dari masa ke semasa.

8.4.4 Pemeliharaan

PLANMalaysia bertanggungjawab menjaga dan memastikan pemeliharaan terhadap proses output semasa dalam penyampaian perkhidmatan setakat yang perlu supaya dapat memastikan keakuran terhadap keperluan. Pemeliharaan meliputi identifikasi, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan dan penghantaran/pengiriman serta perlindungan seperti yang ditetapkan.

8.4.5 Aktiviti Selepas Penghantaran

PLANMalaysia memenuhi keperluan aktiviti selepas penyampaian proses dan perkhidmatan dalam menentukan sejauh mana aktiviti selepas penghantaran dengan mengambil kira:

- i. Keperluan undang-undang dan peraturan;
- ii. Risiko berhubungan dengan proses dan perkhidmatan;
- iii. Sifat, penggunaan dan jangka hayat proses dan perkhidmatan; dan
- iv. Keperluan dan maklum balas pelanggan.

8.4.6 Kawalan Perubahan

PLANMalaysia bertanggungjawab menyemak dan mengawal perubahan yang tidak dirancang bagi penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan dan memastikan perkhidmatan bersesuaian dengan keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan.

Semua cadangan pindaan diterima melalui maklum balas/cadangan mesyuarat utama Jabatan/Bahagian atau urus setia bagi mana-mana pihak yang dilantik menyediakan kertas kerja cadangan pindaan. Pengarah Bahagian atau pegawai yang dilantik mengadakan semakan sebelum dibentangkan ke mesyuarat utama Jabatan. Setelah pengurusan atasan meluluskan cadangan perubahan tersebut, pihak-pihak berkaitan perlu dimaklumkan melalui mekanisme yang sesuai seperti minit mesyuarat, memo, pekeliling Ketua Jabatan dan sebagainya.

Sekiranya perlu, sesi perbincangan/perundingan/taklimat dikendalikan dengan pihak-pihak yang terlibat dengan sesuatu perubahan bagi tujuan mendapatkan persefahaman dan komitmen.

Semua perubahan yang melibatkan dasar, polisi dan prosedur/ tatacara/ operasi/ proses kerja Jabatan, hendaklah dikemaskini dan direkod sebagaimana prosedur ditetapkan di **Bahagian B: Prosedur Kawalan Dokumen dan Kawalan Rekod**.

8.5 Pelepasan Produk dan Perkhidmatan

PLANMalaysia melaksanakan perancangan sepertimana yang ditetapkan pada peringkat-peringkat yang sesuai bagi memastikan keperluan perkhidmatan telah dipenuhi.

Maklumat berdokumen berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan hendaklah disimpan dan diselenggara dengan baik supaya dapat dirujuk dan kebolehsasaran termasuk pegawai yang melepaskan perkhidmatan kepada pelanggan.

8.6 Kawalan Output yang Tidak Akur

PLANMalaysia mengenal pasti dan mengawal output daripada proses dan perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan/tidak akur sama ada di peringkat input, proses atau output.

Tindakan pemulihan terhadap proses dan perkhidmatan yang tidak akur adalah seperti berikut:

- i. Pembetulan;
- ii. Pengasingan, pengawalan, digugurkan dari proses dan perkhidmatan;
- iii. Memaklumkan kepada pelanggan; dan
- iv. Mendapatkan kebenaran untuk penerimaan di bawah konsesi.

Semua laporan berkenaan perkhidmatan yang tidak akur akan dikemaskini dan diselenggara dari semasa ke semasa serta dikemukakan ke dalam mesyuarat utama atau Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan PLANMalaysia untuk disahkan.

9.0 PENILAIAN PRESTASI

9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian

9.1.1 Am

Pengurusan atasan PLANMalaysia bertanggungjawab untuk menentukan:

- i. Perkara yang perlu dipantau dan diukur;
- ii. Kaedah untuk pemantauan, pengukuran, analisa dan penilaian;
- iii. Tempoh pemantauan dan pengukuran dijalankan; dan
- iv. Tempoh hasil pemantauan dan pengukuran dianalisa dan dinilai.

Pengurusan atasan menilai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti PLANMalaysia. Rekod bukti hasil pemantauan dan pengukuran dikekalkan.

9.1.2 Kepuasan Pelanggan

Pengurusan atasan PLANMalaysia bertanggungjawab untuk memantau dan mendapatkan maklumat mengenai maklum balas dan kepuasan pelanggan sebagaimana ditetapkan di **Bahagian B: Prosedur Pengurusan Latihan** dan **Prosedur Pengendalian Aduan Awam dan Maklum Balas Pelanggan**.

9.1.3 Analisis dan Penilaian

Pengurusan atasan PLANMalaysia bertanggungjawab menentu, mengumpul dan menganalisis semua data berkenaan kecekapan dan keberkesanan SPK serta mengenal pasti punca-punca masalah dan tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan ke atas SPK.

Penganalisaan data adalah untuk mengukur :

- i. Kepuasan pelanggan;
- ii. Kepatuhan terhadap spesifikasi produk;
- iii. Tren kepatuhan terhadap proses dan produk serta tindakan-tindakan; dan
- iv. Kualiti input perunding, pembekal bagi perkhidmatan dan peralatan yang diperolehi.

9.2 Audit Dalaman

Audit dalaman dijalankan sekurang-kurangnya setahun sekali. Semua proses Audit Dalaman hasil daripada pelaksanaan SPK dijelaskan seperti di dalam **Bahagian B: Prosedur Audit Dalaman**.

9.3 Kajian Semula Pengurusan

Mesyuarat JKSP diadakan mengikut **Bahagian B: Prosedur Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan**.

10.0 PENAMBAHBAIKAN

10.1 Am

PLANMalaysia akan menentukan dan memilih peluang untuk penambahbaikan dan pelaksanaan tindakan yang perlu bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Ia hendaklah meliputi:

- i. Menambahbaik proses dan perkhidmatan bagi mengelak ketidakpatuhan, menentukan keperluan dan jangkaan masa hadapan;
- ii. Membetulkan, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini; dan
- iii. Meningkatkan prestasi dan keberkesanan SPK.

10.2 Ketidakkuran dan Tindakan Pembetulan

Tindakan pembetulan diambil ke atas proses, perkhidmatan, proses output, data/maklumat yang tidak memenuhi keperluan kualiti.

10.3 Penambahbaikan Berterusan

Pengurusan PLANMalaysia hendaklah melaksanakan penambahbaikan berterusan dari masa ke semasa untuk meningkatkan keberkesanan SPK, kepuasan pelanggan, pematuhan perundangan dan peraturan serta kecekapan proses kerja PLANMalaysia. Melaksanakan tindakan penambahbaikan mengikut proses berikut:

- i. Mengenal pasti ruang-ruang penambahbaikan hasil dari rekod pemantauan dan penganalisaan dan keberkesanan proses / produk / kepuasan pelanggan;
- ii. Mendalami situasi semasa mengenai keberkesanan dan kecekapan proses yang perlu dibuat penambahbaikan;
- iii. Mengenal pasti dan menganalisa punca masalah;
- iv. Membentuk tindakan-tindakan alternatif penambahbaikan;
- v. Menjangka dan menilai impak-impak hasil daripada penambahbaikan yang dilaksanakan;
- vi. Menyebar, melaksana dan menyeragamkan tindakan penambahbaikan; dan
- vii. Menilai keberkesanan dan kecekapan proses / produk / kepuasan pelanggan setelah tindakan penambahbaikan dilaksanakan.

BAHAGIAN B

1.0 OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk dijadikan panduan dalam penyediaan dokumen baharu dan pindaan kepada dokumen prosedur kualiti Jabatan.

2.0 SKOP

Terpakai di semua bahagian dalam Jabatan bagi menguruskan pengawalan ke atas pewujudan, pindaan, pengedaran, penyimpanan dan pelupusan maklumat berdokumen.

3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN														
1.0	WP/TWP	Kenalpasti dokumen 1.1 Menenal pasti jenis dokumen yang perlu disediakan/dipinda.														
2.0	WP/ TWP / Pasukan Petugas	Penyediaan dokumen baharu 2.1 Menyediakan dokumen - dokumen kualiti mengikut isi kandungan sepertimana berikut: 1.0 OBJEKTIF Tujuan prosedur disediakan. 2.0 SKOP Untuk apa atau kepada siapa prosedur ini diguna pakai. 3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN <table><tr><th>NO</th><th>TANGGUNGJAWAB</th><th>TINDAKAN</th></tr><tr><td></td><td>Nama Jawatan</td><td>Tindakan yang perlu dilakukan mengikut turutan</td></tr></table> 4.0 REKOD-REKOD KUALITI <table><tr><th>NO</th><th>NAMA REKOD</th><th>LOKASI</th><th>TEMPOH SIMPANAN</th></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN		Nama Jawatan	Tindakan yang perlu dilakukan mengikut turutan	NO	NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH SIMPANAN				
NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN														
	Nama Jawatan	Tindakan yang perlu dilakukan mengikut turutan														
NO	NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH SIMPANAN													

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN									
3.0	TWP / Pasukan Petugas	Pindaan Dokumen 3.1 Semua cadangan untuk meminda dokumen hendaklah dilakukan menggunakan Borang Cadangan Pindaan Dokumen Kualiti (B1-L1). 3.2 Proses mendapatkan kelulusan untuk pindaan bagi kandungan MK hendaklah melalui Penyelaras SPK. 3.3 Bagi PKK, cadangan pindaan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian/Pejabat Projek dan dikemukakan kepada TKP/KP untuk kelulusan. 3.4 Penentuan status pindaan dokumen kualiti adalah berdasarkan nombor keluaran dan nombor pindaan dengan mengambil kira; i. Sekiranya pindaan melibatkan lebih daripada 50% kandungan dokumen asal, nombor keluaran prosedur adalah ditambah (contoh: keluaran 1 kepada keluaran 2) dan nombor rekod pindaan dimulakan semula. ii. Sekiranya pindaan kurang daripada 50% daripada kandungan dokumen asal, hanya nombor pindaan ditambah (contoh: pindaan 2 kepada 3) dan nombor keluaran dikekalkan.									
4.0	KP / TKP	Kelulusan 4.1 Kuasa - kuasa meluluskan dokumen adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual A. Jadual A <table border="1"> <tr> <th>Pegawai Bertugas \ Dokumen Kualiti</th><th>Disediakan</th><th>Disemak / Diluluskan</th></tr> <tr> <td>MK</td><td>WP</td><td>KP</td></tr> <tr> <td>PKK</td><td>TWP</td><td>TKP / KP</td></tr> </table> 4.2 Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan prosedur.	Pegawai Bertugas \ Dokumen Kualiti	Disediakan	Disemak / Diluluskan	MK	WP	KP	PKK	TWP	TKP / KP
Pegawai Bertugas \ Dokumen Kualiti	Disediakan	Disemak / Diluluskan									
MK	WP	KP									
PKK	TWP	TKP / KP									

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
5.0	TWP/ Penyelaras SPK	Pemakluman Pindaan 5.1 Semua pindaan yang telah diluluskan dibawa ke Mesyuarat JKSP atau Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jabatan atau mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan pengurusan tertinggi Jabatan untuk perhatian dan makluman.
6.0	TWP/ Penyelaras SPK/ Pasukan Petugas	Perekodan 6.1 Semua pindaan yang telah diluluskan hendaklah dicatatkan dalam Borang Rekod Pindaan Kualiti (B1-L2) beserta keterangan ringkas pindaan dan tarikh kelulusan. 6.2 Semua dokumen prosedur yang telah diluluskan hendaklah dimuat naik ke dalam Portal Jabatan. 6.3 Semua dokumen prosedur kualiti bahagian hendaklah dilaksanakan oleh Pasukan Petugas dan sesalinan hendaklah diserahkan kepada Penyelaras SPK untuk rekod.

4.0 REKOD - REKOD KUALITI

Bil.	Nama Rekod	Lokasi	Tempoh Simpanan
1.	Dokumen Kualiti	Pegawai-Pegawai dalam Senarai Edaran (pemegang dokumen)	-
2.	Borang Cadangan Pindaan Dokumen Kualiti	TWP/ Penyelaras SPK	5 tahun
3.	Dokumen Kualiti Asal yang dibatalkan	TWP/ Penyelaras SPK	5 tahun

No. Lampiran	:	B1-L1
Pindaan	:	

**BORANG CADANGAN PINDAAN
DOKUMEN KUALITI**

RUJUKAN DOKUMEN	
Cadangan Pindaan :	
Dicadangkan Oleh : Jawatan : Ulasan : Tandatangan : Diluluskan Oleh : Cadangan Pindaan Diluluskan / Ditolak* Tandatangan :	Bahagian : Tarikh : Tarikh :

* Potong mana yang tidak berkenaan

No. Lampiran	:	B1-L2
Pindaan	:	

REKOD PINDAAN DOKUMEN KUALITI			
No. Keluaran / Pindaan	Tarikh	Keterangan Ringkas Pindaan	Muka Surat Terlibat

1.0 OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan mewujudkan satu sistem pengurusan rekod yang sistematik dan terkawal untuk menjamin semua rekod selamat dan mudah dikesan serta dapat membuktikan bahawa sistem kualiti dilaksanakan seperti mana didokumenkan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai semasa mengurus penerimaan dan pendaftaran surat rasmi, pendaftaran fail, pembukaan fail baharu, pembukaan fail sambungan, penyimpanan fail, pergerakan fail dan pelupusan fail.

3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	PT (P/O) /Setiausaha Pejabat	Penerimaan Surat Surat Terperingkat dan Surat Terbuka Untuk Perhatian KP / TKP 1.1 Semua surat yang diterima perlu diserahkan (tanpa dibuka) kepada setiausaha pejabat KP/ TKP.
2.0	Setiausaha Pejabat KP / Setiausaha Pejabat TKP	Pendaftaran (Surat Umum dan Surat Terperingkat / E-Mel / Memo / Laporan) Yang Dialamatkan Kepada KP / TKP dan yang diminitkan kepada Pgh. Bhg / KU/ KS 2.1 Semua surat - surat yang diterima hendaklah diambil tindakan berikut oleh PKA/PT(P/O)/ Setiausaha Pejabat: i. Buka surat, copkan tarikh terima dan mendaftar surat dalam buku daftar penerimaan surat. ii. Menyerahkan surat kepada KP / TKP / Pgh. Bhg/ KU/ KS yang bertanggungjawab. iii. Merujuk kepada KP / TKP / Pgh. Bhg/ KU/ KS untuk keputusan bagi surat yang tidak dapat dipastikan untuk tindakan mana-mana Bahagian / Unit/ Seksyen.

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
		2.2 Mengedar surat kepada pegawai yang berkenaan seperti diminitkan oleh KP / TKP / Pgh. Bhg/KU/ KS: - edaran secara <i>hard copy</i> atau - edaran melalui E-mel. 2.3 Mengambil tindakan ke atas surat berkenaan “Surat Untuk Perhatian Pegawai”
3.0	Setiausaha Pejabat dan Pegawai Berkenaan	Surat (Surat Umum/ E-Mel / Memo / Laporan) Untuk Tindakan Segera/Serta Merta 3.1 Menerima surat (Surat Umum/ E-Mel) untuk tindakan segera. 3.2 Merekod surat di dalam Daftar Surat Menyurat atau memasukkan data ke dalam Microsoft Office (Word, Excel) membuat satu salinan untuk pegawai berkenaan dan menyimpan salinan asal ke dalam fail Jabatan. 3.3 Surat – Surat/ E-mel diedar terus kepada pegawai yang berkenaan, sekiranya Pengarah tiada. 3.4 Pegawai berkenaan mengambil tindakan seperti diperlukan.
4.0	PT (P/O) / Setiausaha Pejabat	Kandungan Surat Terima dan Keluar Dalam Fail 4.1 Mencatatkan bilangan kandungan fail (<i>enclosure</i>) di dalam bulatan di sudut kanan atas surat. 4.2 Bagi surat yang diterima, nombor dan bulatan ditandakan dengan warna merah; dan 4.3 Bagi surat yang dihantar keluar, nombor dan bulatan ditandakan dengan warna biru atau hitam. 4.4 Mencatat tarikh penerimaan, nama agensi pengirimnya dan tarikh surat dikandungkan ke atas kertas minit dengan kenyataan “Surat bertarih.....drp.....dikandung pada....” dalam warna merah.

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
		4.5 Bagi surat-surat yang dihantar keluar catatkan bilangan kandungan surat, tarikh penghantaran, nama agensi penerima dan tarikh surat dihantar ke atas kertas minit dengan kenyataan "Surat bertarikh..... kpd.....dihantar pada....." dalam warna biru atau hitam. 4.6 Jika surat/ laporan/ dokumen yang diterima tidak mempunyai nombor rujukan, semak senarai fail- fail untuk memastikan sama ada fail-fail mengenai perkara yang sama telah didaftarkan. Jika ada, kandungkan surat ke dalam fail. Jika belum ada, buka fail dan daftarkan dengan memberikan nombor rujukan mengikut tindakan 8.1 dan 8.2. 4.7 Sekiranya fail tidak dapat dikesan dan surat memerlukan tindakan segera, tindakan berikut perlu diambil : i. Buka sampul kecil sebagai langkah sementara dan beri nombor rujukan fail yang sama. ii. Setelah fail asal dijumpai, masukkan isi kandungan fail sementara ke dalam fail asal. iii. Jika sesuatu surat memerlukan tindakan serta merta, ambil tindakan tanpa fail. Berikan nombor rujukan yang betul dengan merujuk kepada sistem nombor fail yang sedia ada.
5.0	PT (P/O)	Pembukaan dan Pendaftaran Fail Baharu 5.1 Fail dibuka mengikut kelas seperti warna kulit fail yang ditetapkan seperti berikut : i. Terbuka (putih) ii. Terperingkat / Bertaraf Keselamatan a. Rahsia Besar (kuning berpaling merah) b. Rahsia (Merah jambu berpaling merah) c. Sulit (Hijau) d. Terhad (Putih tetapi ditandakan/cop perkataan "TERHAD"). 5.2 Menyediakan nombor rujukan fail dengan menggunakan kod – kod rujukan seperti berikut : i. Rujukan pertama : Nama Ringkas Organisasi/ Bahagian. ii. Rujukan Kedua: Taraf Keselamatan.

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
		iii. Rujukan Ketiga : Kod Organisasi Terlibat. iv. Rujukan Keempat : Kod Perkara v. Rujukan Kelima : Kod Pecahan perkara. vi. Rujukan Keenam : Kod Pecahan kecil Perkara/Sub-sub Subjek (SSS). 5.3 Bagi menyediakan nombor rujukan sesuatu fail, tidak perlu semua kod di atas digunakan. Penggunaannya adalah bergantung kepada keperluan perkara berkenaan.
6.0	PT (P/O) / Setiausaha Pejabat	Pembukaan Fail Sambungan 6.1 Tatacara pembukaan fail sambungan akan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Panduan Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat Tahun 2022. 6.2 Menyimpan fail lama bersama dengan fail baharu jika masih diperlukan untuk tindakan. Jika fail lama tidak diperlukan lagi, asingkan dan simpan dalam bilik fail.
7.0	PT (P/O) / Setiausaha Pejabat	Penyimpanan Fail 7.1 Bagi fail – fail bertaraf keselamatan, simpan dalam simpanan khas atau kabinet besi. 7.2 Bagi fail – fail terbuka, simpan dalam bilik fail. 7.3 Menyusun fail berdasarkan nombor rujukan fail. 7.4 Meletakkan / menampalkan nombor-nombor rujukan fail bagi satu-satu kumpulan fail pada petak-petak rak fail atau kabinet-kabinet yang berkenaan. 7.5 Untuk mencari fail, rujuk nombor-nombor rujukan fail untuk menentukan rak atau kabinet mana fail yang berkenaan disimpan.
8.0	PT (P/O) / Setiausaha Pejabat / Pegawai yang Memegang fail	Pergerakan Fail 8.1. Mencatat semua pergerakan fail yang diedarkan daripada PT kepada pegawai atau kakitangan yang menggunakannya secara manual. Isikan maklumat ke dalam Kad Pergerakan Fail atau kulit fail.

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
		8.2. Jika fail perlu diedarkan kepada pegawai di Unit/ Seksyen/Bahagian yang lain tanpa melalui PT (P/O) / Setiausaha Pejabat , pemakluman perlu terlebih dahulu diberikan kepada PT/ Pembantu Khas
9.0	PT (P/O) / Setiausaha Pejabat	Simpanan Laporan, Pelan dan Peta Tidak Muat Dalam Fail 9.1 Bagi penyimpanan dokumen (Laporan, Pelan dan Peta) yang tidak muat dalam fail perlu merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Panduan Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat Tahun 2022.
10.0	PT / Pembantu Khas PAP	Penghantaran Surat – Peringkat Bahagian 10.1 Merekod dalam Buku Pendaftaran surat/ memo keluar di Bahagian masing-masing. 10.2 Menguruskan edaran surat keluar melalui e-mel dan penghantaran dengan tangan. 10.3 Menghantar kepada Seksyen Pentadbiran untuk dipos keluar.
11.0	PT	Penghantaran Surat Keluar – Peringkat Jabatan 11.1 Menerima surat keluar dari Bahagian / Unit / Pejabat Projek. 11.2 Merekod dalam Buku Pendaftaran bagi surat-surat berdaftar. 11.3 Menguruskan penghantaran surat melalui pos.
12.0	PAP	Perkhidmatan Kurier 12.1 Mengisi Borang Permohonan Perkhidmatan Pos Laju PLANMalaysia (B2-L1). 12.2 Mengisi templat butiran penerima melalui sistem SendParcel Pro. 12.3 Menguruskan penghantaran terus ke Pejabat Pos Laju.

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
13.0	PT/ PKA/ Pembantu Khas PAP/Pegawai Berkenaan / PT / Pembantu Khas	Penghantaran Dengan Tangan 13.1 Merekodkan dalam Buku Penghantaran Surat dan hantar terus ke tempat tujuan melalui PKA atau pegawai yang diarah. 13.2 Mengembalikan Buku Penghantaran Surat yang telah ditandatangani kepada PT/Pembantu Khas untuk disemak. 13.3 Menyimpan Buku Penghantaran Surat.
14.0	Pgh. Khd. Pengurusan / Pgh. Bhg.	Tempoh Penyimpanan dan Pelupusan Fail 14.1 Tempoh penyimpanan dan pelupusan fail Jabatan/ Bahagian/Unit/Pejabat Projek akan menggunakan panduan penyimpanan dan pelupusan yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia selaras dengan Akta Arkib Negara 2003.

4.0 REKOD - REKOD KUALITI

Bil.	Nama Rekod	Lokasi	Tempoh Simpanan
1.	Buku Daftar Penerimaan Surat	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	5 tahun
2.	Senarai Fail Induk	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	5 tahun
3.	Buku/ Docket/ Kad Pergerakan Fail	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	5 tahun
4.	Buku Pendaftaran Surat Keluar	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	3 tahun
5.	Salinan invois penghantaran kurier	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	3 tahun
6.	Senarai Fail yang dilupuskan	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	10 tahun
7.	Laporan, Pelan dan Peta	Bahagian/ Pej. Projek Berkenaan	3 tahun hingga 10 tahun

No. Lampiran	:	B2-L1
Pindaan	:	

**BORANG PERMOHONAN PERKHIDMATAN POS LAJU
PLANMalaysia**

NAMA PEMOHON:

BAHAGIAN/SEKSYEN :

NO TEL :

TARIKH :

BUTIRAN PEMOHONAN

JUMLAH SURAT :

TUJUAN :

.....

C. PENGESAHAN PENGARAH BAHAGIAN / PEJABAT PROJEK

Adalah saya mengesahkan bahawa surat tersebut memerlukan perkhidmatan pos laju.

Tanda tangan :

Nama :

Tarikh :

1.0 OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk memastikan audit dalaman dilaksanakan secara berkesan dan sistematik pada setiap tahun.

2.0 SKOP

Memberi panduan dan garis panduan bagi menjalankan audit dalaman untuk memastikan tahap keakuran dan keberkesanan pelaksanaan SPK.

3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	KAD	Perancangan 1.1 Menyediakan Jadual Perancangan Audit Dalaman dan menguruskan pelantikan Pasukan Audit Dalaman. 1.2 Memastikan Pasukan Audit Dalaman yang dilantik telah memiliki sijil Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2015.
2.0	KAD/Auditor	Persediaan 2.1 Menyediakan notis Audit Dalaman dan mengedarkan kepada semua TWP untuk pemakluman pelaksanaan audit dalaman tahunan. 2.2 Memanggil PAD untuk membincangkan perancangan dan persediaan audit.
3.0	Auditor/Auditee	Pelaksanaan Audit Dalaman 3.1 Mengadakan Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman untuk memaklumkan perkara berikut: i. Objektif dan skop audit; ii. Dokumen kualiti yang dirujuk; dan iii. Kaedah audit dan Jadual Perancangan Audit Dalaman (B3-L1).

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	Auditor Auditor KAD	3.2 Menjalankan Audit Dalam berpanduan kepada keperluan Standard MS ISO, Senarai Semak Audit, Prosedur-prosedur Kualiti yang didokumenkan dan rekod-rekod kualiti yang berkaitan. 3.3 Membuat catatan penemuan-penemuan Audit Dalam dan sekiranya perlu, menyediakan Laporan Ketidakakuran (NCR) (B3-L2) dan Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) (B3-L3) seterusnya menyerahkan kepada KAD untuk penyelarasan di peringkat Pasukan Audit Dalam. Mesyuarat Penutupan Audit 3.4 Mengadakan Mesyuarat Penutupan Audit untuk mengesahkan penemuan-penemuan audit dalam seperti berikut : i. Kekuatan dan atau kelemahan sistem. ii. Ketidakakuran yang ditemui. iii. Peluang-peluang penambahbaikan.
4.0	Auditee Auditor	Tindakan Susulan Dari Laporan Audit Dalam 4.1 Menjawab punca ketidakakuran dan tindakan pembetulan di dalam Laporan Ketidakakuran dan atau tindakan penambahbaikan di dalam Laporan Peluang Penambahbaikan. 4.2 Mengemukakan laporan kepada Auditor. 4.3 Melaksanakan pembetulan, tindakan pembetulan dan/atau tindakan penambahbaikan yang telah dikenalpasti. 4.4 Mengesahkan pelaksanaan tindakan pembetulan dan/atau pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Auditee. 4.5 Menyerahkan hasil Laporan Audit kepada KAD.
5.0	KAD	Laporan Audit Dalam 5.1 Menyediakan Laporan Audit Dalam dan dibentangkan di Mesyuarat JKSP/Mesyuarat Pagi Jabatan.

4.0 REKOD - REKOD KUALITI

Bil.	Nama Rekod	Lokasi	Tempoh Simpanan
1.	Jadual Perancangan Audit Dalam	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
2.	Jadual Tugas Juruaudit Dalam	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
3.	Surat Lantikan Juruaudit Dalam	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
4.	Notis Audit Dalam	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
5.	Minit Mesyuarat Pembukaan Audit	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
6.	Catatan Audit / Senarai Semak Audit Dalam	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
7.	Minit Mesyuarat Penutupan Audit	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
8.	Laporan Ketidakkuratan (NCR)	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
9.	Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI)	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun
10.	Laporan Audit Dalam	JPBD (IP) Pej. Projek	3 tahun

No. Lampiran	:	B3-L1
Pindaan	:	

JADUAL PERANCANGAN AUDIT DALAMAN
TAHUN : _____

Bahagian / Pejabat Projek	Tarikh Audit
Pengurusan Atasan (KP/TKP)	
Bahagian Rancangan Fizikal Negara	
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	
Bahagian Korporat	
Bahagian Perundangan dan Kawalselia Perancangan	
Unit Penyelarasan Projek	
Pejabat Projek Zon Tengah	
Pejabat Projek Zon Selatan	
Pejabat Projek Zon Utara	
Pejabat Projek Zon Timur	
Bahagian Khidmat Pengurusan ▪ Seksyen Pentadbiran ▪ Seksyen Kewangan ▪ Seksyen Sumber Manusia ▪ Seksyen Teknologi Maklumat	
Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	
Bahagian Perancangan Wilayah	
Unit Integriti	
Ketua Audit Dalaman	

Disediakan oleh: _____ Tarikh: _____ Diluluskan oleh: _____ Tarikh: _____
 (KAD) (tandatangan) (KP) (tandatangan)

No. Lampiran	:	B3-L2
Pindaan	:	

LAPORAN KETIDAKAKURAN (NCR)			
Bahagian		Tarikh	
Aktiviti/Proses		No. Ketidakakuran	
Dokumen Rujukan		Klausa Standard MS ISO 9001:2015	
Auditee		Auditor	
1. KETIDAKAKURAN			
Perincian Ketidakakuran : Bukti : Tandatangan Auditor : Tandatangan Auditee / Wakil : Tarikh : Tarikh :			
2. PUNCA KETIDAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN			
<i>(Diisi oleh Auditee dalam tempoh 14 hari selepas Mesyuarat Penutupan Audit Dalam)</i> Pembetulan : <i>(untuk singkirkan ketidakakuran)</i> Punca Ketidakakuran : Tindakan Pembetulan : <i>(untuk singkirkan punca ketidakakuran)</i> Tarikh Tindakan Dijangka Selesai : Tandatangan Auditee / Wakil : Tarikh :			
3. PENGESAHAN PELAKSANAAN TINDAKAN PEMBETULAN			
Tandatangan Auditor : Laporan Ditutup : YA / TIDAK Tarikh :			

*Sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi

No. Lampiran	:	B3-L3
Pindaan	:	

LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI)			
Bahagian		Tarikh	
Aktiviti/Proses		No. Peluang Penambahbaikan	
Dokumen Rujukan		Klausa Standard MS ISO 9001:2015	
Auditee		Auditor	
1. PELUANG PENAMBAHBAIKAN			
Perincian Peluang Penambahbaikan : Bukti : Tandatangan Auditor : Tandatangan Auditee / Wakil : Tarikh : Tarikh :			
2. TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN			
<i>(Diisi oleh Auditee dalam tempoh 14 hari selepas Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman)</i> Penambahbaikan : <i>(untuk penambahbaikan / cegah ketidakakuran berlaku)</i> Tarikh Tindakan Dijangka Selesai : Tandatangan Auditee / Wakil : Tarikh :			
3. PENGESAHAN PELAKSANAAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN			
Tandatangan Auditor : Laporan Ditutup : YA / TIDAK Tarikh :			

**Sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

1.0 OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk memastikan pengendalian pengurusan risiko dan peluang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan untuk melaksanakan tindakan-tindakan berkaitan pengendalian dan pelaksanaan pengurusan risiko dan peluang PLANMalaysia.

3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

NO	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO	
	CRiO	A. Struktur Pelaksanaan Pengurusan Risiko dan Peluang
